

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN**

**DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

**DARIPADA : Y.B. DATUK JUSLIE BIN AJIROL  
(LIBARAN)**

**PERTANYAAN : BERTULIS**

**Y.B. DATUK JUSLIE BIN AJIROL [ LIBARAN ]** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan ramalan Dana Kewangan Antarabangsa (IMF) yang menyifatkan 2015 sebagai tahun yang malap bagi kebanyakan zon ekonomi dunia walaupun ekonomi Amerika Syarikat menunjukkan pemulihan yang kukuh selain harga minyak mentah global yang jatuh.

**JAWAPAN**

1. Laporan *World Economic Outlook* (WEO) terbitan Januari 2015 oleh Tabung Kewangan Antarabangsa (IMF) telah menyatakan bahawa pertumbuhan ekonomi global bagi tahun 2015 telah disemak semula ke paras lebih rendah sebanyak 0.3% ke 3.5% berbanding dengan anggaran

terdahulu iaitu 3.8% di bawah laporan WEO, Oktober 2014 (Jadual 1). Semakan ini dilakukan berikutan penilaian semula prospek ekonomi di kawasan euro, Jepun, China dan Rusia serta aktiviti lemah yang dicatat di beberapa negara pengeksport minyak utama yang terjejas akibat penurunan mendadak harga minyak. Di bawah semakan ini, hanya pertumbuhan bagi Amerika Syarikat (AS) sahaja yang telah ditingkatkan.

2. Dalam kalangan ekonomi maju utama, pertumbuhan Amerika Syarikat kembali pulih didorong oleh kadar pengangguran yang terus menurun, peningkatan nilai mata wang AS dan harga minyak yang semakin berkurangan. Pada tahun 2015, pertumbuhan AS dijangka meningkat 3.6% dipacu oleh permintaan dalam negeri yang disokong oleh harga minyak yang lebih rendah, pelarasan fiskal yang lebih sederhana, dan sokongan berterusan dari dasar monetari yang akomodatif.

3. Akan tetapi, pertumbuhan ekonomi dalam kalangan negara maju dan membangun lain adalah kurang memberangsangkan. Di kawasan euro, pertumbuhan ekonomi di unjur lebih sederhana pada 1.2% pada 2015, terutamanya disebabkan oleh aktiviti pelaburan yang lemah dan kadar inflasi yang terus merosot. Manakala, pertumbuhan ekonomi Jepun pada 2015 dijangka sederhana rendah pada paras 0.6% disebabkan oleh

kelemahan berterusan dalam permintaan swasta yang kurang rancak selepas kenaikan kadar cukai penggunaan pada suku tahun kedua 2014. Pertumbuhan ekonomi di China pula dijangka sederhana dan mencatat pertumbuhan lebih rendah sebanyak 6.8% pada 2015 terutamanya disebabkan oleh pengurangan dalam pelaburan. Keadaan ini dijangka memberi kesan kepada pertumbuhan ekonomi di rantau Asia. Selain itu, prospek ekonomi Rusia turut merosot akibat penurunan harga minyak yang mendadak dan peningkatan ketegangan geopolitik yang menggugat keyakinan pelabur dan menjaskan prospek ekonomi negara-negara Komanwel Merdeka (CIS).

4. Walaupun pertumbuhan ekonomi global dijangka menerima rangsangan daripada harga minyak yang lebih rendah dan pertumbuhan ekonomi AS yang semakin kukuh, namun rangsangan ini sedang diimbangi oleh faktor-faktor lain, termasuk penyelarasan ekonomi dan penstrukturan semula yang sedang dilaksanakan oleh kebanyakan negara maju dan membangun lain bagi mengembalikan kestabilan ekonomi dalam jangka masa sederhana ini.